Pendakwa Raya lawan Tamil Selvam a/l Maniam

MAHKAMAH TINGGI (TAIPING) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45–10 TAHUN 2007
AHMAD NASFY PK
19 SEPTEMBER 2012

Keterangan — Keterangan kawad cam — Kawad cam — Perjalanan kawad cam — Prinsip 'Turnbull Guideline' — Sama ada prinsip 'Turnbull Guideline' dipenuhi — Sama ada tertuduh berjaya dicamkan — Sama ada sabitan selamat

Undang-Undang Jenayah — Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 — s 3 — Tembakan daripada senjata api untuk menyebabkan kematian atau kecederaan — Konflik keterangan — Kegagalan memanggil saksi material — Sama ada pengecaman meragukan dan kawad cam tidak teratur — Rantaian keterangan — Sama ada tertuduh orang yang melakukan rompakan melepaskan tembakan daripada senjata api — Akta Keterangan 1950 ss 27 & 114(g)

Tertuduh ('OKT') telah dituduh dengan tuduhan-tuduhan merompak dengan seorang lagi yang masih bebas dan melepaskan tembakan daripada suatu senjata api, yang merupakan suatu kesalahan di bawah s 3 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971. Pada hari kejadian, juruwang ('SP10') pejabat Naga Metal telah didatangi oleh dua orang lelaki India. Salah seorang daripada mereka memakai vest bertulis 'Kastam Diraja' manakala seorang lagi memakai topi. Lelaki India yang memakai vest tersebut telah mengacukan pistol ke arah SP10 dan meminta wang dan telah melepaskan satu das tembakan ke arah dinding pejabat. Operator mesin ('SP6') di pejabat yang sama telah terdengar bunyi tembakan dari arah pejabat dan terus berlari ke pintu depan pejabat. Melalui cermin tingkap, SP6 melihat tiga orang lelaki India di ruang pejabat dan salah seorangnya adalah SP10. Ketika sedang mengintai, salah seorang lelaki India tersebut keluar dan mengacukan pistol ke arah SP6 dan mengarahkannya masuk ke dalam pejabat dan berdiri di sebelah SP10. OKT telah melepaskan satu das tembakan ke arah lantai pejabat, iaitu antara dua kaki SP10. Kedua-dua lelaki tersebut mengambil RM30,000, wang dari peti besi lebih kurang RM120 ribu, dompet SP10 yang mengandungi kad kredit, wang tunai RM800, telefon bimbit dan kunci kereta. Selepas itu, mereka keluar melarikan diri dengan menaiki sebuah kereta Proton Perdana. Namun begitu OKT berjaya diberkas dan telah memberitahu bahawa dia boleh menunjukkan pistol yang dipakainya dan telah membawa pasukan polis ke sebuah kawasan pembuangan sampah berhampiran rumahnya. OKT menunjukkan sebuah sofa lama kepada SP8 tetapi pemeriksaan yang dibuat tidak menjumpai apa-apa barang. Seterusnya, OKT telah membawa mereka ke

sebuah rumah kedai. OKT telah menunjukkan kepada SP8 sebuah tangki air yang berada di atas tandas di bahagian kanan dari arah mereka masuk dan, antara lain, sepucuk revolver ('P9') dan 31 butir peluru ('P10') telah diperolehi. OKT kemudiannya dibawa ke Balai Polis Kuala Kangsar untuk kawad cam yang melibatkan 10 orang yang memakai pakaian biasa. Antara isu-isu yang berbangkit adalah kegagalan memanggil Uthaya Kumar; pengecaman meragukan dan kawad cam tidak teratur; keterpakaian s 27 Akta Keterangan 1950 ('Akta'); sama ada terputusnya rantaian keterangan; sama ada OKT merupakan orang yang telah melakukan rompakan; dan sama ada dia telah melepaskan tembakan daripada senjata api tersebut.

Diputuskan, melepaskan dan membebaskan tertuduh:

(1) Keterangan SP8, SP9 dan SP10 mengesahkan fakta bahawa terdapat seorang lelaki India yang telah ditangkap lebih awal daripada OKT iaitu Uthaya Kumar. Perintah sekatan ('D50') Uthaya Kumar menunjukkan fakta yang bercanggah. Dalam pengataan fakta, dikatakan bahawa terdapat empat orang yang terlibat dalam rompakan, melibatkan dua pucuk pistol, jumlah kerugian RM60,000 dan terdapat kehilangan seutas rantai emas dan dua telefon bimbit tetapi nombor pendaftaran kereta tidak dinyatakan (lihat perenggan 45).

(2) Terdapat dua percanggahan fakta mengenai isu pistol di mana menurut SP8 hanya satu pistol yang terlibat tetapi SP22 mengatakan terdapat dua pucuk pistol yang terlibat. Keterangan SP22 didapati konsisten dengan D50 dan tiada penjelasan diberikan oleh pihak pendakwaan mengenai percanggahan ini (lihat perenggan 46).

(3) Mengenai isu pengecaman pakaian orang yang memegang pistol, menurut SP10, lelaki yang memegang pistol memakai vest hitam dan merujuk kepada P39, SP10 menyatakan lelaki tersebut juga memakai vest hitam. Walau bagaimanapun kenyataan ini bercanggah dengan keterangan SP6 yang mengatakan lelaki yang memegang pistol tersebut memakai vest kastam berwarna kuning (lihat perenggan 47).

(4) Sungguhpun pihak pendakwaan telah menawarkan saksi kepada pihak pembelaan, ianya bukanlah tanggungjawab pembelaan untuk mengisi lompong dalam kes pendakwaan. Justeru, kegagalan memanggil Uthaya Kumar sebagai saksi telah menimbulkan inferens bertentangan terhadap kes pendakwaan dan s 114(g) Akta terpakai (lihat perenggan 49).

(5) Pihak pendakwaan bergantung kepada keterangan SP6 dan SP10 untuk membuktikan keterlibatan OKT dalam kes ini. Pengecaman OKT oleh SP6 dan SP10 adalah meragukan dan gagal mematuhi prinsip *Turnbull Guideline*. Semasa kawad cam dijalankan sebulan selepas kejadian, OKT tidak memakai topi atau kaca mata hitam, ketinggian peserta dalam barisan tidak sama dengan OKT, SP6 telah diberitahu. Semasa di

mahkamah SP6 telah mengecam OKT dengan positif. Sebaliknya, SP10 tidak dapat camkan OKT sedangkan SP10 adalah orang yang paling lama bersama dengan kedua-dua perompak tersebut. Justeru, pengecaman OKT semasa kawad cam adalah tidak teratur dan pengecaman OKT di mahkamah adalah meragukan (lihat perenggan 51–52 & 55).

(6) Kata-kata OKT 'saya boleh tunjukkan mana pistol yang saya pakai' adalah terlalu am dan tidak spesifik sehingga menyebabkan pemeriksaan di kawasan membuang sampah tersebut tidak menemui apa-apa. Kata-kata sebenar OKT kepada SP8 tidak dibuktikan oleh pendakwaan dan dengan itu perbuatan OKT menunjukkan tangannya ke arah tangki air atas tandas dan ke arah meja hanya mempunyai 'little value' (lihat perenggan 59).

(7) Keterangan Uthaya Kumar telah menyokong keterangan SP10 bahawa orang yang melakukan rompakan tersebut adalah seorang yang tinggi dan OKT tidak terlibat. Justeru, orang yang memberikan maklumat mengenai penemuan sepucuk pistol di dalam tangki air bukanlah OKT. Percubaan pihak pendakwaan untuk mencabar kredibiliti SP10 ditolak oleh mahkamah setelah percanggahan tersebut diperjelaskan (lihat perenggan 61).

[Bahasa Malaysia summary

The accused had been charged with the charges of robbery with another who is still at large and discharged shots from a firearm, an offence under s 3 of the Firearms (Increased Penalties) Act 1971. On the date of incident, the cashier ('SP10') of Naga Metal office was approached by two Indian men. One of them was wearing a vest with 'Kastam Diraja' written on it whereas the other was wearing a cap. The Indian man in vest had pointed a gun towards SP10 and asked for money and had discharged one shot towards the office wall. The machine operator ('SP6') in the same office heard the gunshots from the office and headed straight to the front door of the office. Via the window glass, SP6 saw three Indian men in the office room and one of them was SP10. While he was peeping, one of the Indian men came out and pointed the gun towards SP6 and instructed him to get into the office and stand next to SP10. The accused discharged a shot to the office floor, ie between SP10's two legs. Both men took RM30,000, money from the safe box amounting to about RM120,000, SP10's wallet which contained credit card, cash of RM800, handphone and car keys. Thereafter, they escaped in a Proton Perdana car. However, the accused was successfully apprehended and told that he could show the pistol that he used and brought the police team to a dumping ground near his house. The accused showed an old sofa to SP8 but from the inspection, nothing was found. Then, the accused took them to a shophouse. The accused showed to SP8 a water tank which was above the toilet on the right side that they entered and, among other, a revolver ('P9') and 31 rounds of bullet ('P10') was discovered. The accused

was then taken to Kuala Kangsar Police Station for identification parade involving 10 people in plain clothes. Among the issues that arose were the failure to call Uthaya Kumar; doubtful identification and irregular identification parade; application of s 27 of the Evidence Act 1950 ('Act'); whether there was break of chain of evidence; whether the accused was the person who had committed the robbery; and whether he had discharged the shots from the firearm.

Held, acquitting and discharging the accused:

(1) The testimony of SP8, SP9 and SP10 affirmed the fact that there was an Indian man who had been arrested earlier than the accused ie Uthaya Kumar. The restriction order ('D50') of Uthaya Kumar showed a contradicting fact. In the statement of facts, it was said that there were four persons involved in the robbery, involving two pistols, losses amounting to RM60,000 and there was loss of a gold chain and two handphones but the registration number of the car was not stated (see para 45).

(2) There were two contradictory facts about the issue of pistol whereby according to SP8 there was only one that was involved but SP22 stated that there were two pistols involved. SP22's testimony was found to be consistent with D50 and there was no explanation given by the prosecution on the contradictions (see para 46).

(3) Pertaining to the issue of identification of the clothing of the person holding the pistol, according to SP10, the man holding the pistol was wearing a black vest and referring to P39, SP10 said that the man was also wearing a black vest. However, this statement was contrary to the statement of SP6 who said that the man holding the pistol was wearing a customs vest which was yellow in colour (see para 47).

(4) Although the prosecution had offered the witness to the defence, it was not the duty of the defence to fill the gap in the prosecution's case. Hence, the failure to call Uthaya Kumar as a witness raised adverse inference against the prosecution's case and s 114(g) of the Act applicable (see para 49).

(5) The prosecution relied on the evidence of SP6 and SP10 to prove the involvement of the accused in this case. The identification of the accused by SP6 and SP10 was doubtful and failed to comply with the principles of *Turnbull Guideline*. During the identification parade, a month after the incident, the accused was not wearing any hat or sun glasses, the height of the members in the parade was not same as the accused, SP6 was told. In the court SP6 identified the accused positively. On the other hand, SP10 could not identify the accused when SP10 was the person who spent longer time with both the robbers. Hence the identification of

the accused during the identification parade was irregular and the identification of the accused in the court was doubtful (see paras 51–52 & 55).

(6) The words by the accused 'saya boleh tunjukkan mana pistol yang saya pakai' was too general and was not specific to as to render the inspection at the dumping ground did not result in any findings. The actual words of the accused to SP8 was not proven by the prosecution and therefore the act of the accused pointing his hands towards the water tank above the toilet and towards the table had little value (see para 59).

(7) The evidence of Uthaya Kumar supported the evidence of SP10 that the person who had committed the robbery was someone who was tall and the accused was not involved. Hence, the person who had given the information on the discovery of a pistol in the water tank was not the accused. The attempt by the prosecution to challenge the credibility of SP10 was dismissed by the court after the contradictions were explained (see para 61).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kawad cam, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 1984–1996.

Untuk kes-kes mengenai s 3, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 983–986.

Kes-kes yang dirujuk

Abdullah Zawawi v PP [1985] 2 MLJ 16; [1985] CLJ 19, MA (dirujuk)

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85 MP (dirujuk)

Chan Sin v PP [1949] 1 MLJ 106 (dirujuk)

Dayang Huzaimah bt Abg Mohd Basri v Badan Pencegah Rasuah [2012] 3 MLJ 438, MT (dirujuk)

Hasamuddin bin Talena v PP [2002] 2 MLJ 408; [2002] 2 CLJ 504, MR (dirujuk)

Jaafar bin Ali v PP [1998] 4 MLJ 406; [1998] 1 CLJ 410, MT (dirujuk)

Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734, MR (dirujuk)

Low Soo Song v PP [2009] 3 MLJ 36; [2009] 3 CLJ 309, MP (dirujuk)

Miller v Minister of Pensions [1947] 2 All ER 372, KBD (dirujuk)

Mustakim bin Chek Man v PP [2010] 2 MLJ 760; [2010] 6 CLJ 256, MR (dirujuk)

Norliana Sulaiman v PP [2001] 1 CLJ 36, MT (dirujuk)

PP v Ayyavoo a/l Subramaniam & Anor [2004] 6 MLJ 511, MT (dirujuk)

PP v Lam Peng Hoa & Anor [1996] 5 MLJ 405, MT (dirujuk)

PP v Lee Eng Kooi [1993] 2 MLJ 322; [1993] 2 CLJ 534, MT (dirujuk)

PP v Mogan Subramaniam [2004] 8 CLJ 513, MT (dirujuk)

PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, MP (dirujuk)

A *PP v Yong Kong Hin* [1981] CLJ Rep 259, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 ss 27, 114(g), 155(c)
Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat 1971) ss 2, 3
B Kanun Acara Jenayah ss 112, 112(4), (5), 113, 180(1), 261
Kanun Keseksaan s 34

Muna bt Jaffar (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak perayu.
Baljit Singh Sidhu (Abd Shukor Ahmad bersamanya) (Shukor Baljit & Partners) bagi pihak responden.

C

Ahmad Nasfy PK:

D PENDAHULUAN

[1] Tamil Selvam a/l Maniam ('OKT') menghadapi pertuduhan merompak dengan seorang yang masih bebas dan semasa melakukan rompakan OKT
E telah melepaskan tembakan dari suatu senjata api dan dengan itu telah melakukan satu kesalahan di bawah s 3 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama dan dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan.

F **[2]** Pertuduhan adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama seorang lagi yang masih bebas pada 19 November 2006 jam lebih kurang 1.20 petang di dalam pejabat Naga Metal, di Lot 1100, GM 2991, Kampung Cikgu Hamid, Jalan Sultan Iskandar Shah, di dalam Daerah Kuala Kangsar, dalam Negeri Perak, dalam melaksanakan niat bersama kamu berdua, telah
G melakukan rompakan wang tunai berjumlah RM 150,000.00 milik Nagalingam a/l Ramu, KP. No: 740202-08-5617 dan semasa rompakan dijalankan kamu telah melepaskan tembakan dari sesuatu senjatapi dengan niat hendak menyebabkan kematian atau kecederaan kepada Smbasivam a/l Ramu, KP.No; 691120-08-6319. Dengan ini kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah seksyen 3 Akta Senjata
H Api (Penalti Lebih Berat 1971) (Akta 37) dan boleh dihukum di bawah Seksyen yang sama dan dibaca dengan Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

[3] Pihak pendakwaan telah memanggil seramai 25 orang saksi untuk memberi keterangan. Perbicaraan kes ini telah dijalankan di hadapan YA Tuan
I Ridwan bin Ibrahim sehingga di akhir kes pendakwaan. Di akhir kes pendakwaan YA Tuan Ridwan telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes prima facie ke atas OKT dan OKT dipanggil membela diri. Sebelum sempat YA Tuan Ridwan mendengar kes pembelaan, beliau telah meletak jawatan.

[4] Saya telah diarahkan meneruskan perbicaraan kes ini di peringkat kes pembelaan selaras dengan peruntukan s 261 Kanun Acara Jenayah ('KAJ'). Pihak pembelaan telah memanggil seramai tiga orang saksi memberi keterangan. Sebagai hakim yang mengambil alih kes ini di peringkat pembelaan, saya telah meneliti keseluruhan keterangan saksi-saksi pendakwaan dan catitan yang dibuat oleh hakim terdahulu terutamanya berkaitan demenur saksi-saksi.

KES PIHAK PENDAKWAAN

[5] Pada 15 November 2006 lebih kurang pukul 1.20 petang ketika Mohamad Gandhi bin Abdullah ('SP10') bekerja sebagai juruwang di Naga Metal sedang berehat di pejabatnya di dalam kontena, tiba-tiba telah didatangi oleh dua lelaki India berbadan besar, tinggi dan kulit mereka berwarna cokelat. Salah seorang daripadanya memakai baju vest bertulis 'Kastam Diraja' dan seorang lagi memakai topi. Dalam keadaan yang mencemaskan lelaki India yang memakai vest telah mengacukan pistol ke arah SP10 dan meminta wang daripada SP10. Oleh kerana SP10 tidak respons kepada permintaannya, beliau terus melepaskan satu das tembakan ke arah dinding pejabat. Ketika itu SP1 sedang duduk sambil mengira wang lebih kurang RM30,000 untuk disimpan di laci mejanya. Keadaan dalam kontena itu agak cerah kerana lampu dibuka, dan cahaya matahari juga masuk melalui tingkap di hadapan meja SP10. Pada masa itu hanya SP10 seorang sahaja berada di situ.

[6] Selepas tembakan dilepaskan lelaki itu menyuruh SP10 berdiri di tepi dinding di bahagian belakang kerusinya dan mengangkat kedua-dua belah tangannya. Pada ketika itu, Sambasivam a/l Ramu ('SP6') bekerja sebagai operator mesin di Naga Metal telah terdengar bunyi tembakan dari arah pejabat terus berlari ke pintu depan pejabat (gambar P21C). Sampai di situ SP6 nampak melalui cermin tingkap tiga lelaki India berada di ruang pejabat di mana salah seorang adalah SP10. Ketika SP6 sedang mengintai, salah seorang lelaki India itu keluar dan mengacukan pistol ke arah SP6. Kemudian SP6 diarah masuk ke dalam pejabat dan berdiri di sebelah SP10 (gambar P2E). Ketika masuk lelaki itu menarik rantai lehernya sehingga putus. Lelaki itu yang dicamkan sebagai OKT telah melepaskan satu das tembakan ke arah lantai pejabat, melepasi celah antara dua kaki SP10. Kemudian seorang lelaki lagi mengambil wang daripada laci meja sebanyak RM30 ribu dan OKT masih acukan pistol ke arah SP10. Selain wang RM30 ribu, lelaki yang sama juga telah mengambil wang dari peti besi di sebelah komputer lebih kurang RM120 ribu (gambar P2A). Lelaki yang dicamkan oleh SP6 sebagai OKT mengambil dompet SP10 yang mengandungi kad kredit, wang tunai RM800, telefon bimbit jenama Samsung dan kunci kereta. Selepas itu mereka keluar melarikan diri dengan menaiki sebuah kereta Proton Perdana.

[7] Menurut SP10, kejadian itu berlaku antara 5–7 minit dan SP6 berada di dalam pejabat kontena antara 2–3 minit sahaja. SP10 telah membuat laporan polis Kuala Kangsar Repot No 4062/06 (P37). Menurut SP10 lagi, beliau tidak dapat cam dan ingat muka kedua-dua lelaki tersebut.

[8] Pada 19 November 2006 lebih kurang 3.30 petang, Supt Shahadan (SP8) telah dimaklumkan oleh ASP Hasbullah (SP22) mengenai kejadian samun bersenjata tersebut. Seterusnya pada 7 Disember 2006, SP8 telah dimaklumkan mengenai satu tangkapan ke atas satu lelaki India bernama Tamil Selvam a/l Maniam iaitu tidak lama selepas seorang lelaki India bernama Uthaya Kumar a/l Krishnan ditangkap. OKT telah diserah kepada ASP Somu a/l Subramaniam (SP9) untuk menjalankan soal siasat. Dalam soal siasat tersebut yang juga dihadiri oleh SP8, OKT telah memberitahu SP9 bahawa ia ingin memberitahu sesuatu kepada SP8. Soal siasat tersebut menggunakan Bahasa Tamil. Kemudian SP8 membacakan amaran di bawah s 113 KAJ dalam Bahasa Malaysia dan diterjemah oleh SP9 dalam Bahasa Tamil. OKT telah memberitahu SP8 dalam Bahasa Malaysia 'saya boleh tunjukkan mana pistol yang saya pakai'.

[9] Selepas mendapat maklumat tersebut, SP8 telah membuat catatan dalam sehelai kertas dan ditandatangani oleh SP8, OKT dan SP9. Lebih kurang jam 5 petang hari yang sama SP8, SP9, OKT, anggota-anggota dari unit D-9, jurugambar dan unit *forensic* bertolak ke Shah Alam dan sampai di plaza tol Batu 3 Shah Alam lebih kurang jam 7.30 petang. Ketika itu, Insp Lim dan pasukannya dari IPK Selangor sudah menunggu di situ. Lebih kurang jam 8.15malam mereka dibawa oleh OKT ke sebuah kawasan pembuangan sampah berhampiran dengan rumah OKT. Sampai di situ OKT telah tunjukkan sebuah sofa lama kepada SP8. Pemeriksaan telah dibuat tetapi tidak menjumpai apa-apa barang. Seterusnya lebih kurang jam 10.30malam OKT telah membawa mereka ke sebuah rumah kedai No B0103 Jalan SM1, Taman Subang Emas, Subang Jaya. Sampai di situ OKT membawa mereka ke bahagian belakang kedai. SP8 cuba membuka pintu belakang tetapi gagal lalu mengarahkan L/Kpl Ismail mengumpil pintu tersebut (gambar P4E dan F). Mereka semua masuk ke dalam dengan diiringi oleh OKT. Kemudian OKT telah tunjukkan kepada SP8 tangki air yang berada di atas tandas di bahagian kanan dari arah mereka masuk. SP8 seterusnya memanggil L/Kpl Khusairi untuk memanjat dan memeriksa tangki air tersebut. SP9 nampak L/Kpl Khusairi membawa turun dua beg plastik berwarna putih yang diikat dengan wayar elektrik berjalur putih/merah dan menyerahkannya kepada SP8.

[10] SP8 seterusnya membuat pemeriksaan ke atas beg plastik pertama bertulisan 'Wella perfectly you' yang diikat dengan wayar elektrik putih/merah tersebut dan mendapati di dalamnya terdapat satu lagi plastik kuning yang mengandungi sehelai tuala warna putih bersama tisu-tisu warna putih

membaluti suatu objek. Apabila tuala dan tisu tersebut dialihkan SP8 nampak sepucuk pistol revolvern 2 inci. SP8 kemudiannya memeriksa beg plastik kedua bertulisan 27711 diikat dengan seutas tali/wayar elektrik berjalur putih/merah. Apabila dibuka terdapat satu stoking berjenama 'swiss polo' dan di dalamnya mengandungi 30 butir peluru hidup. Selepas selesai, SP8 menyerahkan barang-barang kes tersebut kepada DKpl Jasmin dari unit forensik untuk menjalankan pemeriksaan dan membuat label kertas.

[11] Seterusnya SP8 menyediakan borang bongkar (P25) dan setelah selesai mereka pun bertolak balik ke Ipoh bersama barang-barang kes dalam kawalan SP8. Sampai di Ipoh lebih kurang jam 4.30 pagi, SP8 menyimpan barang-barang kes tersebut di dalam kabinet besi berkunci di pejabatnya. Lebih kurang jam 9.30 pagi, barang-barang kes itu dikeluarkan bagi tujuan penandaan dan pada pistol pula dibuat tagging. Pada jam 11pagi, SP8 dan D/Kpl Jasmin telah menyerahkan barang-barang kes dan OKT kepada pegawai penyiasat IPD Kuala Kangsar iaitu ASP Hasbullah ('SP22').

[12] Pegawai penyiasat, ASP Hasbullah (SP22) yang dimaklumkan mengenai Kuala Kangsar Repot 4060/06(P3) oleh DKpl Mohd Rusdi (SP3) telah pergi ke tempat kejadian (P2A-R). Beliau menyediakan rajah kasar (P45). Menurutnya kesan tambakan boleh dilihat dalam gambar P2H dan kesan tembakan atas lantai di gambar P2P, Q dan R.

[13] SP22 kemudiannya ke Plaza Tol Kuala Kangsar untuk mengimbas gambar dalam CCTV. Dari imbasan tersebut didapati no pendaftaran kereta yang disyaki adalah berbeza di mana dalam CCTV menunjukkan kereta Perdana berwarna cerah bernombor BCB 6133 sedangkan semasa taklimat dimaklumkan kereta Perdana berwarna silver bernombor AEX 2500.

[14] Di tempat kejadian, SP22 menerima barang-barang kes daripada Insp Wan Zaimi (SP12) iaitu satu plastik lutsinar berisi empat plastik berasingan seperti berikut:

(a) sampul HB1 mengandungi satu *slug* peluru di atas lantai bertanda A1 di kad *forensic* (P15AC);

(b) sampul HB2 mengandungi satu *slug* peluru di atas lantai bertanda A3 di kad *forensic* (P16AC);

(c) sampul HB3 mengandungi satu *duracast* kesan tembakan atas tikar getah bertanda A2 di kad *forensic* (P17AC); dan

(d) sampul HB4 mengandungi satu *duracast* kesan tembakan di dinding antara ruang pejabat dan ruang rehat bertanda A4 di kad *forensic*.

[15] Pada 8 Disember 2006, SP22 menerima OKT daripada Sjn Razai dan

pada 10 Disember 2006 beliau menerima barang-barang kes daripada SP8 melalui akuan serah menyerah (P34) dan menerima borang bongkar (P25). SP22 juga menerima log penimbulan cap jari (P44) daripada L/Kpl Jasmin.

[16] Barang-barang kes yang diterima daripada SP8 adalah seperti berikut:

(a) wayar elektrik warna putih, merah panjang 52 inci ditanda SJA (P26AC);

(b) satu beg plastik warna putih bertulisan 'Wella perfectly you' ditanda SJ1 (P27AB);

(c) satu beg plastik warna kuning tanpa tulisan ditanda SJ2 (P28AB);

(d) satu tuala kain putih ditanda SJ3 (P29);

(e) lima tisu warna putih ditanda SJ4 (P30AE);

(f) sepucuk revolver 2 inci ditanda SJ5 (P9,P9A);

(g) satu wayar elektrik berwarna putih/merah panjang 52 inci ditanda SJB (P31AB);

(h) satu beg plastik bertulisan 27711 ditanda SJ6 (P32AB);

(i) satu stokin warna gelap jenama 'Swiss Polo' ditanda SJ7;

(j) 31 butir peluru iaitu 29 butir bertulisan S & B3 *Special* dan dua butir bertulisan 'WINCESTER 39 SPL' masing-masing ditandakan sebagai SJ8(1)–(31);

(k) dua borang bongkar atas nama Tamil Selvam a/l Maniam; dan

(l) satu nota percakapan beramaran s 113 KAJ atas nama Tamil Selvam a/l Maniam.

Semua barang-barang kes tersebut telah disimpan oleh SP22 di dalam kabinet besi berkunci sebelum dihantar ke Jabatan Kimia. Semua barang kes kecuali pistol, peluru-peluru, borang bongkar dan nota percakapan dimasukkan dalam sampul (P14).

[17] Pada 12 Disember 2006, lebih kurang 1.00 petang, SP22 telah meminta Cif Insp Mohamed Hasri (SP14) mengadakan kawad cam. Saksi SP6 telah camkan OKT sebagai orang yang melepaskan tembakan di tempat kejadian.

[18] Pada 18 Disember 2006, SP2 telah menghantar lapan sampul (HB1–HB8) ke Jabatan Kimia Ipoh. Serahan dibuat kepada ahli kimia Nor Hazili bt Aznan ('SP13') pada 11.34pagi. Akuan penerimaan dengan nombor makmal (IP) FOR 3036/06-0 (P40) telah dikeluarkan. SP22 juga telah mengarahkan DSjn Major Salleh bin Kulop Jaafar menghantar dua sampul lagi

(HB9 dan HB10) yang masing-masing mengandungi lima butir peluru ke Jabatan Kimia. Akuan penerimaan ditanda sebagai eksh P41.

Semua barang kes ini diambil semula oleh SM Saleh pada 5 Mac 2007 dan diserah kepada SP22 berserta laporan kimia (P42). Laporan kimia telah diserah kepada OKT pada 27 April 2007 sepertimana akuan penerimaan (P42A). Analisa yang dilakukan mendapati anak peluru tertembak dalam sampul HB2 (P16C) telah ditembak dari revolver (P9) dan SP13 tidak dapat tentukan sama ada anak peluru tertembak dalam sampul HB1 telah ditembak dari revolver (P9).

[19] Pada 16 Julai 2007 lebih kurang jam 4.50 petang, SP22 telah menyerahkan dua barang kes iaitu sampul HB5 yang mengandungi sepucuk revolver.38 bertag SJ5 (P7) dan sampul berseal PDRM 606 HB(11) megandungi 18 butir peluru iaitu 16 butir jenis SOB.38 special dan 2 butir jenis Winchester.38 SPL kepada Cif Insp Zakaria (SP5) untuk tujuan *servicibility*. SP5 telah menyediakan laporan persenjataan (P5) yang menyatakan bahawa hasil ujian mendapati revolver tersebut baik dan boleh berfungsi, bahagian dalamnya elok dan boleh melepaskan tembakan. Pada 17 September 2007 SP22 telah arahkan Sjn Musa Almudin untuk mengambil semula barang-barang kes tersebut daripada SP5.

[20] Pada 28 Disember 2007, lebih kurang 11.20 pagi Ruslan bin Said ('SP16'), Penyelia Stor barang kes IPD Kuala Kangsar telah menerima sampul bertanda 'A' berseal PDRM 606 (P6) daripada SP22 dan didaftarkan di pendaftaran barang kes No Siri 138 (P12B). Pada hari yang sama jam 11.35 pagi SP22 mengambil sampul P6 itu untuk dihantar ke cawangan senjata api dan diterima oleh Sjn Siti Hasmah by Yahaya. Pada 7 Januari 2008, SP16 menerima satu sampul besar bertanda 'H' dan sembilan sampul berseal Jabatan Kimia bertanda H1–H10 kecuali HB5 dan didaftar No siri 2 (P14). SP16 bertugas sebagai penyelia stor barang kes sehingga 16 Mei 2008 dan tugasnya diambil alih oleh Kpl Ismail (SP17). SP17 bertugas sebagai penyelia sehingga 20 Mei 2009 dan tugasnya diambil alih oleh Sjn Habibah (SP7).

BEBAN PEMBUKTIAN

[21] Beban pembuktian yang harus diguna pakai di akhir kes pendakwaan adalah beban prima facie sepertimana yang diperuntukkan di bawah s 180(1) Kanun Prosidur Jenayah ('KAJ').

[22] Maksud prima facie telah dijelaskan dalam keputusan kes-kes Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan berdasarkan kepada penilaian keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan secara maksimum atau 'maximum evaluation of the prosecution's evidence and if unrebutted it would warrant the accused's conviction', di mana ia merangkumi keperluan

pembuktian terhadap segala elemen kesalahan/pertuduhan yang menyamai dengan 'beyond reasonable doubt' (rujuk kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734).

[23] Elemen-eleman yang perlu dibuktikan adalah seperti berikut:

(a) OKT telah melepaskan tembakan daripada senjata api iaitu sepucuk pistol jenis revolver Smith and Wesson 2 inci dengan nombor siri di rangka kiri pemegang pistol No XX8x7, di rangka kanan pemegang pistol di bahagian dalam terdapat No 4790 (eksh P9);

(b) OKT telah melepaskan tembakan tersebut pada masa melakukan satu kesalahan berjadual iaitu rompakan; dan

(c) semasa melepaskan tembakan OKT mempunyai niat untuk mencederakan seseorang.

[24] Seksyen 2 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat)('Akta tersebut') mendefinasikan 'melepaskan tembakan' sebagai menyebabkan dilepaskan sesuatu letusan peluru dan bedilan lain daripada sesuatu senjata api dengan alat cas letupan termasuklah menyebabkan sesuatu bom atau grenad diletupkan.

[25] Siri keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan adalah seperti berikut:

(a) pistol (eksh P9) adalah satu senjata api bagi maksud s 2 Akta tersebut. Keterangan C/Insp Zakaria (SP5) dari Bahagian Persenjataan IPK Perak jelas menunjukkan bahawa pistol tersebut mempunyai laras dan cas letupan. Pistol yang diuji tersebut telah mengeluarkan letupan. Laporan persenjataan dikeluarkan oleh SP5 (eksh P5) dan laporan kimia (eksh P42) juga menunjukkan pistol tersebut boleh melepaskan tembakan;

(b) pistol tersebut adalah dalam keadaan 'serviceable'.
Berdasarkan keterangan SP5, laporan eksh P5 dan laporan kimia P42 adalah diputuskan bahawa pistol tersebut dalam keadaan 'serviceable';

(c) pistol tersebut berada dalam milikan OKT semasa dan selepas kejadian. Dalam membuktikan fakta di atas, pihak pendakwaan bergantung kepada keterangan SP6 dan s 27 Akta Keterangan 1950. Peguambela terpelajar telah mencabar keterangan SP6 dan pemakaian s 27 Akta Keterangan 1950; dan

(d) menurut SP5, hasil uji tembakan ke atas pistol tersebut dengan membuat tembakan, didapati anak peluru maju ke sasaran melalui larasnya.
Ahli kimia (SP13) yang menerima eksh HB9 iaitu tiga butir peluru hidup bertanda SJ8(6), SJ8(7) dan SJ8(8) dan HB10 iaitu tiga butir peluru hidup bertanda SJ8(11), SJ8(12) dan SJ8(13) telah melakukan ujian

tembak dengan menggunakan pistol (P9). Ujian tembak berjaya dilakukan. Kemudian SP13 menggunakan mikroskop untuk bandingan sama ada terdapat tanda-tanda 'characteristic' pada peluru-peluru yang diuji tembak dengan peluru-peluru tertembak di eksh HB1–HB2 (P16C). Hasilnya anak peluru tertembak HB2 ditembak dari pistol P9 tetapi anak peluru tertembak dalam HB1 tidak dapat ditentukan.

(e) *Finding* dalam P42 ini adalah diterima sebagai keterangan yang substantive dan konklusif menurut s 399 KAJ (rujuk kes *Lam Peng Hoa & Anor* [1996] 5 MLJ 405). Justeru diputuskan bahawa anak peluru yang dijumpai di tempat kejadian adalah berasal dari pistol P9.

PERKARA-PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PEGUAMBELA TERPELAJAR

[26] Peguambela terpelajar membangkitkan beberapa perkara diperingkat kes pendakwaan sekaligus telah membina pembelaan mereka.

Perkara-perkara tersebut adalah seperti berikut:

(a) fakta kes pendakwaan bercanggah;

(b) gagal memanggil Uthaya Kumar;

(c) pengecaman meragukan dan kawad cam tidak teratur;

(d) seksyen 27 Akta Keterangan tidak terpakai;

(e) terputus rantaian keterangan;

(f) *impeachment proceeding*;

(g) siasatan lemah; dan

(h) isu *remand* OKT.

[27] Berdasarkan keterangan saksi-saksi pendakwaan dan setelah menimbang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh peguambela terpelajar, YA pesuruhjaya kehakiman terdahulu telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie ke atas OKT dan OKT dipanggil membela diri.

[28] Setelah diterangkan tiga pilihan untuk memberi keterangan, OKT memilih memberi keterangan bersumpah.

KETERANGAN PEMBELAAN

[29] Menurut OKT (SD1) semasa beliau sedang tidur di rumah pada 7

Disember 2006 lebih kurang 5–6 petang tiba-tiba beliau dikejutkan oleh adiknya dengan memberitahu ada orang ingin berjumpanya. OKT berjumpa dengan orang itu yang kemudiannya memperkenalkan diri sebagai polis. Anggota polis itu meminta telefon bimbitnya. Selepas OKT memberi telefon bimbit tersebut sebuah kereta polis jenis Proton Wira putih pun sampai dan pada masa itu lebih kurang 10–15 orang anggota polis telah menangkapnya dan rumahnya telah diperiksa.

[30] Selepas itu OKT dibawa ke IPD Shah Alam dan dalam sepuluh minit kemudian mata OKT ditutup dengan kain hitam dan tidak diketahui ke mana beliau dibawa pergi. Ketika ikatan kain dibuka, OKT nampak sebuah Balai Polis Ipoh dan di situ beliau ditahan.

[31] Pada keesokan harinya, tiga anggota polis membawanya ke dalam sebuah van dan matanya ditutup serta mereka memukulnya. OKT telah dibawa ke Mahkamah Kuala Kangsar dan selepas itu ditahan di Balai Polis Kuala Kangsar. Di situ matanya ditutup lagi dan beliau dipukul. Mereka bertanya apa berlaku di Kuala Kangsar dan adakah OKT melakukan samun di Kuala Kangsar. OKT menafikan berbuat demikian. Mereka terus bertanya adakah OKT melakukan samun di Naga Metal dan di mana pistol dan wang. Kemudian OKT dibawa ke Balai Polis Ipoh ke bilik SP8. Pada masa itu terdapat seramai lapan orang anggota polis termasuk SP8 dan SP9. SP8 dan SP9 bertanya OKT mengenai kejadian samun di Naga Metal dan di mana pistol tetapi OKT menjawab tidak tahu. OKT dipaksa makan cili padi. OKT merayu dilepaskan kerana tidak terlibat dalam kejadian samun tersebut. Kemudian OKT dipaksa menandatangani lebih kurang sepuluh keping kertas kosong (P35). OKT terpaksa tandatangan kertas kosong tersebut kerana dipukul.

[32] Pada hari yang sama 8 Disember 2006 SP8, SP9 dan beberapa anggota polis lagi membawanya ke Tol Batu 3 Shah Alam dengan sebuah van.

Dari situ OKT dibawa ke rumahnya. Sampai di rumahnya, beberapa anggota polis masuk ke dalam rumah OKT untuk mencari sesuatu sementara OKT ditinggalkan dalam van. Semasa OKT di dalam van, SP8 menerima panggilan telefon. OKT terdengar perkataan pistol, pistol. Selepas itu OKT dibawa ke hujung kawasan rumahnya dengan van. Ketika dalam van, OKT nampak anggota polis terbalikkan sebuah sofa tetapi tidak tahu apa yang dicari. Apabila gagal menemui sesuatu, OKT dipukul dan mereka masih bertanya di mana pistol. Pada masa itu SP9 menerima banyak panggilan telefon sambil mengarahkan anggota polis tidak memukul OKT lagi kerana ia dapat tahu di mana pistol itu berada.

[33] OKT kemudiannya dibawa ke barisan kedai di Subang Emas. Apabila OKT dibawa masuk ke dalam kedai iaitu, SP8 menendangnya dan arahkannya

tunjuk tangki air. OKT tanya kenapa. SP8 kata jangan cakap apa-apa cuma tunjuk saja tangki air dan gambar OKT *posing* dengan menunjuk ke arah tangki air diambil (rujuk P4(i)). Selepas itu OKT ditarik oleh SP8 dan SP9 ke arah meja dan arahkannya menunjuk pistol di atas meja (rujuk gambar P40).

[34] Selepas di kedai Taman Subang Emas, OKT dibawa balik ke Balai Polis Ipoh. OKT kemudiannya dibawa ke Balai Polis Kuala Kangsar untuk kawad cam. Semasa kawad cam OKT memakai pakaian lokap seperti gambar P4Q iaitu baju warna kelabu dan seluar pendek warna hijau. Proses kawad cam berjalan dengan seramai sepuluh orang terlibat. Ketika itu lain-lain orang pakai pakaian biasa. Dalam barisan kawad cam terdapat bangsa Singh dan India, tua, muda, tinggi, rendah, cerah dan gelap daripada OKT.

[35] ASP Mohd Razali (SD2) memberitahu bahawa beliau adalah pegawai kes fail seorang bernama Uthaya Kumar (Rujuk IDD50). Uthaya Kumar telah ditahan di Pusat Pemulihan Simpang Renggam selama dua tahun. Terdapat dua pengataan fakta dalam IDD50 mengenai samun bersenjata di Naga Metal iaitu terdapat empat orang terlibat dalam samun tersebut dan dua pucuk pistol telah digunakan. Kerugian yang dialami ialah wang sebanyak RM60 ribu, seutas rantai, dan dua buah telefon bimbit. IDD50 (perintah tahanan) dikemukakan sebagai D50.

[36] Menurut Uthaya Kumar (SD3) pada 26 November 2006 beliau telah ditangkap atas suspek rompakan di Naga Metal. Semasa ditahan tujuh anggota polis memukulnya dan menyuruhnya camkan nama-nama Tamil Selvam, Arumugam, Ravi, Baskaran dan Ashok. Oleh kerana tidak tahan sakit dipukul, SD3 mengatakan tahu nama-nama itu, iaitu Arumugam dan Tamil Selvam. Ketinggian Arumugam lebih kurang 6½ kaki berumur antara 30–33 tahun dan dipanggil Arumugam panjang. Selepas itu anggota polis bertanya di mana pistol, OKT menjawab tidak tahu. SD3 teringat Arumugam semasa dalam keadaan mabuk pernah beritahunya bahawa pistol ada di Taman Subang Emas, di sebuah kedai di dalam tangki air. Oleh kerana tidak tahan sakit, SD3 pun beritahu polis. SD3 menafikan terlibat dalam rompakan tersebut.

[37] Pada masa pemeriksaan balas timbalan pendakwa raya terpelajar memaklumkan bahawa terdapat percanggahan keterangan SD3 dengan pernyataan yang dibuatnya di bawah s 112 KAJ dan memohon supaya suatu *impeachment proceeding* dijalankan menurut s 155(c) Akta Keterangan 1950.

[38] SD3 menafikan telah memberi *statement* di bawah s 112 KAJ sebaliknya semasa di Penjara Sungai Buloh seorang anggota polis berpangkat sarjan menyuruhnya menandatangani *statement* yang sudah siap ditaip tanpa membenarkannya membaca.

[39] *Statement* di bawah s 112 KAJ dikemukakan dan ditandakan sebagai ID56. Untuk membolehkan suatu prosiding *impeachment* dijalankan, timbalan pendakwa raya hendaklah memuaskan hati mahkamah bahawa *statement* tersebut memang dibuktikan telah dibuat oleh SD3. SD3 telah disoal balas oleh timbalan pendakwa raya terpelajar mengenai isu ini. Setelah mendengar hujahan oleh kedua-dua pihak, mahkamah berpuas hati bahawa ID56 tidak mematuhi prasyarat s 112 KAJ seperti berikut:

(a) ID56 tidak menunjukkan sama ada pegawai perakam telah berbual-bual dengan SD3 untuk memastikan bahasa yang digunakan;

(b) tiada apa jua keterangan dari ID56 yang memastikan bahawa prasyarat s 112(4) telah diterangkan dan difahami oleh SD3;

(c) di dalam ID56 jelas menunjukkan bahawa tiada sebarang pernyataan untuk menyatakan peluang telah diberi kepada SD3 untuk membuat pembetulan selaras dengan s 112(5) KAJ;

(d) pegawai perakam juga merupakan pegawai penyiasat bagi tertuduh dalam kes ini dan juga untuk SD3;

(e) tiada sebarang tandatangan pegawai perakam di helaian pertama 1056 untuk memastikan prasyarat s 112 KAJ dipatuhi;

(f) tarikh kenyataan SD3 dibuat adalah pada 26 Febuari 2007 iaitu hampir tiga bulan selepas SD3 ditangkap; dan

(g) di dalam ID56 juga jelas menunjukkan kegagalan untuk memastikan prasyarat di bawah s 112 KAJ tidak dipatuhi.

Kes-kes yang dirujuk ialah *Dayang Huzaimah bt Abg Mohd Basri v Badan Pencegah Rasuah* [2012] 3 MLJ 438, *Public Prosecutor v Mogan Subramaniam* [2004] 8 CLJ 513, *Public Prosecutor v Yong Kong Hin* [1981] CLJ Rep 259 dan *Norliana Sulaiman v Public Prosecutor* [2001] 1 CLJ 36.

Berdasarkan alasan-alasan di atas ID56 ditolak.

ANALISIS KETERANGAN

[40] Adalah menjadi tugas mahkamah di peringkat ini untuk membuat satu ujian di antara keterangan prima facie pihak pendakwaan dengan keterangan pihak pembelaan sekarang ini.

Beban pembuktian pihak pendakwaan adalah 'beyond reasonable doubt' dan bukan *beyond shadow of doubt*. Beban ini harus diimbangi dengan kredibiliti keterangan pihak pembelaan sepertimana diputuskan dalam kes *Miller v Minister of Pensions* [1947] 2 All ER 372 yang menyatakan: *'(The degree of cogency) … Need not reach certainty, but it must carry a high degree of probability, proof beyond reasonable doubt does not mean proof beyond shadow of a doubt. The law would fail to protect the community if it admitted fanciful possibilities to deflect*

the course of justice. If the evidence is so strong against a man as to leave only a remote possibility in his favour which can be dismissed with the sentence of course it is possible, but not in the least probable, the case is proved beyond reasonable doubt, but nothing short of that will suffice'.

Secara ringkasnya, sesuatu kes itu tidak bergantung kepada 'possibility' tetapi sama ada sesuatu keterangan itu 'credible' atau tidak dan bukan berbentuk 'afterthought' atau berbentuk 'belated defences'.

[41] Berdasarkan nas kes di atas, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk memeriksa dan meneliti keterangan saksi-saksi pendakwaan terutamanya SP6, SP8, SP9 dan SP10 serta penerimaan masuk maklumat di bawah s 27 Akta Keterangan 1950 dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh peguambela terpelajar di peringkat kes pendakwaan dan keterangan saksi-saksi pembelaan bagi menentukan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya melampaui suatu keraguan munasabah atau pihak pembelaan telah berjaya membangkitkan suatu keraguan yang munasabah.

[42] Penganalisaan isu-isu material adalah seperti berikut:

(a) sama ada OKT merupakan orang yang melakukan suatu kesalahan berjadual iaitu melakukan suatu rompakan dengan seorang lain yang masih bebas di premis Naga Metal; dan

(b) sama ada semasa melakukan kesalahan berjadual tersebut OKT telah melepaskan tembakan dari senjata api dengan niat menyebabkan kematian atau kecederaan kepada seseorang walaupun tiada apa-apa kecederaan yang disebabkan olehnya.

(Rujuk kes *Low Soo Song v Public Prosecutor* [2009] 3 MLJ 36; [2009] 3 CLJ 309).

[43] Pada pendapat saya, dalam membincangkan isu (a)–(b), perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh peguambela terpelajar perlulah diteliti satu persatu.

SAMA ADA FAKTA KES PENDAKWAAN BERCANGGAH

[44] Menurut pertuduhan dan ucapan pembukaan oleh pendakwaan, OKT dikatakan melakukan rompakan tersebut bersama seorang lagi yang masih bebas, melibatkan sepucuk pistol, kerugian kepada majikan pengadu sebanyak RM150,000 dan kereta yang dilarikan adalah Proton Perdana BCB 6133.

[45] Keterangan SP8, SP9 dan SP10 mengesahkan fakta bahawa ada seorang lelaki India yang telah ditangkap lebih awal daripada OKT berkaitan kes ini iaitu Uthaya Kumar a/l Krishnan. Perintah sekatan Uthaya Kumar (D50)

menunjukkan fakta yang bercanggah. Dalam pengataan fakta mengatakan ada empat orang yang terlibat dalam rompakan, melibatkan dua pucuk pistol, jumlah kerugian ialah RM60,000 dan terdapat kehilangan seutas rantai emas dan dua telefon bimbit tetapi tidak menyatakan nombor pendaftaran kereta BCB 6133.

[46] Mengenai isu pistol pula terdapat dua percanggahan fakta di mana menurut SP8 hanya satu pistol yang terlibat tetapi SP22 mengatakan ada dua pucuk pistol yang terlibat. Keterangan SP22 didapati konsisten dengan D50 dan tiada penjelasan diberikan oleh pihak pendakwaan mengenai percanggahan ini.

[47] Mengenai isu pengecaman pakaian orang yang memegang pistol, menurut SP10, lelaki yang memegang pistol memakai vest hitam dan merujuk kepada P39, SP10 menyatakan lelaki tersebut juga memakai vest hitam. Walau bagaimanapun kenyataan ini bercanggah dengan keterangan SP6 yang mengatakan lelaki yang memegang pistol itu memakai vest kastam berwarna kuning.

[48] Berikutan percanggahan-percanggahan di atas, saya harus menentukan versi yang manakah harus dipercayai. Pada pendapat saya apabila terdapat dua set keterangan yang bercanggah antara satu sama lain maka 'benefit of the doubt should be given to the accused' (rujuk kes *Public Prosecutor v Lee Eng Kooi* [1993] 2 MLJ 322; [1993] 2 CLJ 534, *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457).

Sama ada kegagalan memanggil Uthaya Kumar sebagai saksi menyebabkan inference bertentangan boleh diguna pakai di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap kes pendakwaan

[49] Saya berpendapat, sungguhpun pihak pendakwaan telah menawarkan saksi tersebut kepada pihak pembelaan, ianya bukanlah tanggungjawab pembelaan untuk mengisi lompong dalam kes pendakwaan. Justeru, kegagalan memanggil Uthaya Kumar sebagai saksi telah menimbulkan *inferens* bertentangan terhadap kes pendakwaan dan s 114(g) Akta keterangan 1950 terpakai (rujuk kes *Abdullah Zawawi Omar v Public Prosecutor* [1985] 2 MLJ 16; [1985] CLJ 19)

SAMA ADA PENGECAMAN MERAGUKAN DAN KAWAD CAM TIDAK TERATUR

[50] Adalah menjadi fakta yang tidak dipertikaikan bahawa pihak pendakwaan bergantung kepada keterangan SP6 dan SP10 untuk

membuktikan keterlibatan OKT dalam kes ini. Saya mendapati pengecaman OKT oleh SP6 dan SP10 adalah meragukan dan gagal mematuhi prinsip *Turnbull Guideline* (rujuk kes *Jaafar bin Ali v Public Prosecutor* [1998] 4 MLJ 406; [1998] 1 CLJ 410, *Public Prosecutor v Ayyavoo a/l Subramaniam & Anor* [2004] 6 MLJ 511, *Chan Sin v Public Prosecutor* [1949] 1 MLJ 106).

[51] Menurut SP6, ketika kejadian, beliau melihat daripada cermin gelap (*tinted mirror*) ada tiga lelaki dalam pejabat dan salah seorang ialah SP10. Apabila perompak ternampak kelibatnya, beliau diacukan dengan pistol dan ditarik masuk ke dalam pejabat. SP6 mengatakan lelaki yang memegang pistol memakai baju hitam, vest kuning, topi hitam dan cermin mata hitam. Manakala seorang lagi perompak yang mengambil wang memakai baju hitam, topi hitam tanpa cermin mata. SP6 bersetuju yang beliau hanya nampak mulut dan hidung sahaja.

[52] Semasa kawad cam dijalankan sebulan selepas kejadian, OKT tidak memakai topi atau kaca mata hitam, ketinggian peserta dalam barisan tidak sama dengan OKT, SP6 telah diberitahu oleh polis ada dua orang telah ditangkap dan minta 'tunjuk orang yang nampak ada tak dalam barisan ini'.

[53] Berlainan pula dengan keterangan SP10, semasa kejadian, dua lelaki India berbadan besar, tinggi dan umur dalam lingkungan 20–30 tahun, warna kulit cokelat. Menurut SP10 lagi orang yang memegang pistol memakai vest, topi dan cermin mata hitam. SP10 tidak nampak dengan jelas muka orang tersebut, hanya nampak mata dan hidung sahaja. Kedua-dua perompak itu berbadan besar dan tinggi 6–7 kaki. Seterusnya SP10 berkata 'tembakan kedua, Sambasivam ada dalam kontena, di belakang saya dengan angkat tangan kedua tangan atas kepala. Benar, saya rasa Sambasivam tak dapat lihat dengan jelas tentang tembakan kedua' (ms 103 nota keterangan)

[54] Semasa kawad cam dijalankan SP10 mengatakan:

> Sebelum kawad cam dijalankan, saya telah dibawa ketandas, sewaktu saya keluar, OKT lalu naik ke atas, anggota yang eskot saya tunjukkan OKT dengan kata itulah orang yang dicamkan (m.s. 103 nota keterangan).
>
> Barisan kawad cam tidak dipakai dengan apa-apa vest atau topi. Tiada pengecaman suara dibuat.
>
> Pihak polis ada katakan kepada saya 'tunjukkan saya orang yang awak nampak'.
>
> Semasa kawad cam saya ada membuat pengecaman terhadap OKT. Ini kerana awal sebelum itu saya telah ditunjukkan
>
> (ms 104 nota keterangan).

[55] Semasa di mahkamah SP6 telah mengecam OKT dengan positif.

Manakala SP10 tidak dapat camkan OKT sedangkan SP10 adalah orang yang paling lama bersama dengan kedua-dua perompak tersebut. Justeru, saya berpendapat pengecaman OKT semasa kawad cam adalah tidak teratur dan pengecaman OKT di mahkamah adalah meragukan.

SAMA ADA S 27 AKTA KETERANGAN 1950 TERPAKAI

[56] Keterangan saksi-saksi pendakwaan iaitu SP8, SP9, SP15, SP22 dan percakapan beramaran OKT (P35) dengan secara positif mengatakan OKT telah memberitahu yang beliau meletakkan pistol di tempat buangan sampah berdekatan rumahnya iaitu di celah kerusi yang dibuang. Maklumat yang diberi oleh OKT dikatakan telah membawa kepada penemuan barang kes iaitu sepucuk pistol Revolver 2" (P9) berwarna gelap dan 31 peluru (P10) terdiri daripada 29 butir peluru bertanda 'S&B 38 special' (P10N-P) dan dua butir peluru bertanda 'Winchester 38 SPL' (P10Q-R) dirampas di alamat B01-03, Taman Subang Mas, Subang Java, Selangor.

[57] Pihak pendakwaan mengemukakan P35 (rakaman percakapan OKT di bawah s 113 KAJ yang mengatakan 'saya boleh tunjukkan mana pistol yang saya pakai', untuk menyokong penemuan P9 dan P10 adalah hasil maklumat daripada OKT menurut s 27 Akta Keterangan 1950.

[58] Persoalan yang berbangkit di sini ialah adakah kandungan P35 merupakan kata-kata sebenar daripada OKT dan kata-kata tersebutlah yang telah membawa kepada penemuan P9 dan P10 (rujuk kes *Hasamuddin bin Talena v Public Prosecutor* [2002] 2 MLJ 408; [2002] 2 CLJ 504, *Mustakim Chek Man v Public Prosecutor* [2010] 2 MLJ 760; [2010] 6 CLJ 256).

[59] Pada pendapat saya, kata-kata OKT 'saya boleh tunjukkan mana pistol yang saya pakai' adalah terlalu am dan tidak spesifik sehingga menyebabkan pemeriksaan di kawasan membuang sampah di Shah Alam tidak menemui apa-apa (rujuk keterangan SP8 di ms 75 nota keterangan). Hanya selepas soal siasat kedua oleh SP8 terhadap OKT dikatakan telah membawa polis ke premis kedua di mana P9 dan P10 ditemui. Walau bagaimanapun tiada apa-apa catatan dibuat oleh SP8 atau apa yang dikatakan oleh OKT telah didengar oleh anggota lain. Justeru kata-kata sebenar OKT kepada SP8 tidak dibuktikan oleh pendakwaan dan dengan itu perbuatan OKT menunjukkan tangannya ke arah tangki air atas tandas dan ke arah meja (P4) hanya mempunyai 'little value'.

SAMA ADA RANGKAIAN KETERANGAN KES PENDAKWAAN TELAH TERPUTUS IAITU SAMA ADA BARANG-BARANG KES TELAH 'TAMPERED WITH'

[60] SP20 telah memberikan kunci stor dan kabinet kepada SP7 untuk

mengambil barang kes. SP7 membuat catatan pada P13 — enam biji peluru hidup 'tetapi apabila dibuka semasa perbicaraan terdapat 16 biji peluru hidup' SP7 mengakui kesilapannya dalam membuat catatan tersebut. Pada pendapat saya, kesilapan catatan ini tidak menjejaskan rangkaian keterangan kes pendakwaan.

SAMA ADA KETERANGAN SAKSI-SAKSI PEMBELAAN YANG MENCABAR IDENTITI ORANG YANG MELEPASKAN TEMBAKAN DARI PISTOL P9 DAN MAKLUMAT OKT MENURUT S 27 AKTA KETERANGAN 1950 TELAH MELENGKAPKAN LAGI KERAGUAN KEATAS KES PENDAKWAAN

[61] Berdasarkan fakta yang tidak dipertikaikan, SD3 telah ditangkap lebih awal daripada OKT. SD3 telah memberikan maklumat kepada pihak polis bahawa Arumugam panjang memberitahunya yang pistol berada di dalam tangki air di sebuah premis di Subang Jaya.

Keterangan SD3 telah menyokong keterangan SP10 bahawa orang yang melakukan rompakan tersebut adalah seorang yang tinggi dan OKT tidak terlibat. Justeru, orang yang memberi maklumat mengenai penemuan sepucuk pistol di dalam tangki air di sebuah premis di Subang Jaya bukanlah OKT. Percubaan pihak pendakwaan untuk mencabar kredibiliti SP10 telah ditolak oleh mahkamah setelah beliau menjelaskan percanggahan antara keterangannya dengan pengataannya (P38).

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[62] Berdasarkan analisis keterangan di atas, saya dengan ini membuat rumusan berikut:

(a) ujud keraguan yang amat ketara mengenai identiti dan diskripsi orang yang melepaskan tembakan dalam rompakan tersebut; dan

(b) penemuan sepucuk pistol (P9) dan peluru (P10) hasil maklumat daripada OKT adalah meragukan.

[63] Pada pendapat saya adalah tidak selamat untuk mensabitkan OKT atas pertuduhan yang dihadapinya apabila wujudnya keraguan-keraguan tersebut yang di dalam minda saya adalah suatu keraguan yang munasabah. Dengan demikian adalah diputuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk

membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah dan oleh itu OKT dilepas dan dibebaskan dari pertuduhan terhadapnya.

Tertuduh dilepaskan dan dibebaskan.

Reported by Ibnu Aswan